

22 MAR 1998

Musa-Hak Asasi

MALAYSIA NEGARA PERTAMA BANGKITKAN ISU HAK ASASI MANUSIA, KATA MUSA HITAM

SEGAMAT, 22 Mac (Bernama) -- Malaysia merupakan negara pertama yang mempelopori satu gerakan di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu supaya isu ekonomi dan kemiskinan di negara-negara membangun diberi keutamaan, kata bekas pengerusi badan itu, Tan Sri Musa Hitam, hari ini.

Katanya sejak 1993 lagi ketika beliau mengetuai delegasi negara ke suruhanjaya itu Malaysia telahpun mengemukakan isu hak asasi manusia untuk perhatian dunia di peringkat antarabangsa.

"Jika rakyat jelata di negara-negara membangun miskin dan terus miskin, ini merupakan satu pencabulan atas hak asasi manusia yang telah diterima oleh masyarakat antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Segamat di Dewan Jubli Intan di sini.

Musa berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan kegawatan ekonomi yang menyebabkan pelbagai masalah dalam sesebuah negara atau rantau boleh mendorong kepada pencabulan hak asasi manusia.

Dr Mahathir juga dilaporkan berkata perkara itu terbukti kerana kegawatan ekonomi yang melanda Asia Tenggara sejak Julai lalu sudah mula mencetuskan fenomena "orang hanyut" seperti yang berlaku selepas perang Vietnam di awal tahun 70an.

Katanya, pencabulan hak asasi manusia berlaku kerana kegawatan ekonomi boleh mencetuskan pelbagai masalah sosial yang berpunca daripada kehilangan mata pencarian.

Menurut Musa, sekiranya rakyat di negara-negara membangun terus miskin, hak asasi manusia tidak lagi berguna kerana asas kepada hak asasi itu ialah "perut" atau makanan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang mengakui kebenaran kenyataan Dr Mahathir itu berkata, Suruhanjaya Hak Asasi badan dunia itu terlampau memberi penekanan kepada soal hak asasi dalam politik berbanding isu menangani masalah kemiskinan.

"Sungguhpun kita menerima pendirian antarabangsa bahawa aspek politik itu penting ... tetapi apa yang lebih penting kepada kita ialah mengatasi masalah kemiskinan," katanya. -- BERNAMA

RAM oba